



**UTM**  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Polisi Libat Sama Komuniti  
dan Industri  
Universiti Teknologi Malaysia

Nama Polisi : Polisi Libat Sama Komuniti dan Industri.  
Nombor Polisi : UTM.J.02.01/10.12/2 (5)  
Diluluskan Oleh : Mesyuarat Senat Universiti Bil3/2020/2021/5  
Tarikh Kuat kuasa : 1 Januari 2021

Pautan Rasmi:

[https://registrar.utm.my/circular/files/2021/01/PP\\_BIL\\_1\\_2021.pdf](https://registrar.utm.my/circular/files/2021/01/PP_BIL_1_2021.pdf)

## SEKSYEN 1 : PENGENALAN

### 1.1 TUJUAN

Polisi ini bertujuan untuk menyokong dasar Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dalam memperkasakan ekosistem libat sama komuniti dan industri. Ianya penting bagi memastikan warga Universiti dapat memacu dua (2) aktiviti teras utama iaitu pendidikan dan penyelidikan melalui inisiatif libat sama komuniti dan industri secara beretika, sistematik, inovatif, produktif dan berimpak untuk manfaat bersama.

### 1.2 SKOP KUATKUASA PEMAKAIAN POLISI

Polisi ini terpakai kepada semua staf dan pelajar Universiti yang melaksanakan aktiviti ibat Ssama komuniti dan industri.

### 1.3 DASAR DAN POLISI BERKAITAN

Bil	Nama	Lokasi
1	Dasar umum Universiti Teknologi Malaysia	Jabatan Pendaftar
2	Polisi & Kod Amalan Pembelajaran dan Pengajaran Prasiswazah (2018)	TNC (A&A)
3	Polisi Penyelidikan & Inovasi (2018)	TNC (P&I)
4	Polisi Diversiti & Inklusif (2019)	Jabatan Pendaftar
5	Polisi Tadbir Urus Dokumen Polisi (2019)	Jabatan Pendaftar
6	Polisi Pengumpulan Dana (2019)	TNC (P)
7	Polisi Pelestarian Kampus (2020)	Pejabat Pelestarian Kampus
8	Polisi Kualiti & Pengurusan Risiko (2020)	QRIM
9	Polisi Kelestarian Kewangan (2020)	Bendahari

## 1.4 PRINSIP POLISI

Universiti komited untuk melaksanakan libat sama komuniti dan industri bagi:

- 1.4.1 memacu, menyelaras dan memperkukuh kerjasama dalam pendidikan dan penyelidikan;
- 1.4.2 memperkasakan aktiviti berdasarkan perkongsian kepakaran dan sumber seiring dengan keperluan dan pemanfaatan bersama;
- 1.4.3 menyokong pembangunan modal insan yang holistik seiring dengan keperluan global;
- 1.4.4 membimbing staf dan pelajar Universiti agar sentiasa menerapkan prinsip integriti dan mematuhi undang-undang yang berkuatkuasa;
- 1.4.5 memacu dan memperkasa pembangunan komuniti dan industri untuk kemakmuran negara.

## 1.5 DEFINISI

Perkataan/Istilah/Singkatan	Definisi
Agensi Kerajaan	Merujuk kepada kementerian atau jabatan Kerajaan (Persekutuan dan Negeri), Pihak Berkuasa Berkanun (Persekutuan dan Negeri) dan Pihak Berkuasa Tempatan.
Aktiviti	Merujuk kepada perincian semua program atau projek atau inisiatif libat sama komuniti dan industri.
Industri	Merujuk kepada Syarikat Swasta merangkumi; "Government Linked Company" (GLC), "Government Linked Investment Company" (GLIC), "Private Limited Company" (PLC), "Multinational Company" (MNC), "Small Medium Enterprise" (SME) atau agensi kerajaan yang diswastakan atau Badan Bukan Kerajaan (NGO).
Kerjasama Strategik	Merujuk kepada kerjasama dan kolaborasi yang wujud di antara Universiti bersama sektor komuniti, industri dan agensi kerajaan di dalam atau luar negara dengan matlamat yang memberikan manfaat kepada kesemua pihak serta kumpulan sasar.
Kesatuan	Merujuk kepada kesatuan-kesatuan staf Universiti yang berdaftar di bawah Kementerian Sumber Manusia.
Komuniti	Merujuk kepada kumpulan hidupan yang menerima manfaat daripada aktiviti libat sama merangkumi manusia, haiwan dan

	tumbuhan.
Libat Sama	Merujuk kepada hubungan yang berterusan serta mengaplikasikan matlamat kerjasama yang memberi manfaat kepada komuniti atau industri.
Pelajar	Merujuk kepada individu yang berdaftar di UTM yang mengikuti pengajian, pengajaran, latihan atau penyelidikan.
Pendidikan	Merujuk kepada aktiviti Pembelajaran & Pengajaran yang dilaksanakan oleh Universiti untuk manfaat komuniti dan industri.
Penyelidikan	Merujuk kepada suatu aktiviti sistematik dan berdisiplin yang dijalankan untuk mewujudkan dan mengembangkan ilmu pengetahuan. Ia membabitkan pelbagai bentuk merentasi disiplin, termasuk penemuan penyelidikan saintifik dan sosial, penciptaan atau pembaikan konsep dan teori, teknik atau komposisi, atau memperluaskan pemahaman semasa melalui analisis kritikal. Ciri-ciri umum penyelidikan merangkumi metodologi yang sistematik dan berdisiplin, komitmen terhadap penerbitan hasil daripada penemuan dan ulasan kesepakarian yang setanding.
Persatuan	Merujuk kepada persatuan-persatuan staf Universiti yang berdaftar di bawah Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS).
Perjanjian	Merujuk kepada dokumen perjanjian rasmi yang dimeterai antara pihak Universiti bersama komuniti, industri atau agensi kerajaan.
PTJ	Merujuk kepada Pusat Tanggungjawab yang wujud di Universiti Teknologi Malaysia merangkumi Fakulti, Sekolah, Akademi, Pusat, Institut, Jabatan, Bahagian, Seksyen dan Unit.
Staf	Merujuk kepada individu yang dilantik secara rasmi oleh Universiti Teknologi Malaysia.
Universiti	Merujuk kepada 'Universiti Teknologi Malaysia'

## 1.6 KONTEKS PERUNDANGAN

Nama Dokumen	Klausa Rujukan
Akta Badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000	Seluruh Dokumen
Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU 1971)	Seluruh Dokumen
Kod Etika Profesional Universiti Teknologi Malaysia 2017	Seluruh Dokumen
Perlembagaan Universiti Teknologi Malaysia	Seluruh Dokumen
Statut Universiti Teknologi Malaysia	Seluruh Dokumen

## SEKSYEN 2 : PERNYATAAN POLISI

- 2.1 Semua staf dan pelajar Universiti dibenarkan untuk melaksanakan aktiviti libat sama bersama komuniti, industri, agensi kerajaan, persatuan dan kesatuan tertakluk kepada kelulusan Universiti.
- 2.2 Semua aktiviti libat sama komuniti dan industri serta kerjasama strategik yang dilaksanakan hendaklah didaftarkan dalam sistem Universiti.
- 2.3 Semua staf dan pelajar Universiti hendaklah menjaga imej dan kepentingan Universiti semasa melaksanakan aktiviti Libat Sama komuniti dan industri.
- 2.4 Semua aktiviti libat sama komuniti dan industri hendaklah mengoptimumkan penggunaan kepakaran dan sumber sedia ada serta mengutamakan pembangunan modal insan.
- 2.5 Staf dan pelajar dibenarkan untuk menggunakan aset Universiti dalam melaksanakan aktiviti libat sama komuniti dan industri tertakluk kepada kelulusan serta polisi, prosedur dan garis panduan PTJ yang menguruskannya.
- 2.6 Staf dan pelajar hendaklah memastikan tiada percanggahan kepentingan (*conflict of interest*) berlaku iaitu dengan meraih keuntungan peribadi dan mengakibatkan kerugian kepada Universiti dari aspek kewangan dan sumber apabila melaksanakan aktiviti Libat Sama komuniti dan industri.

- 2.7 Staf dan pelajar hendaklah mengutamakan tugas serta tanggungjawab hakiki yang telah diamanahkan oleh Universiti dan memastikan ianya tidak terjejas diakibatkan oleh penglibatan dalam aktiviti libat sama komuniti dan industri.
- 2.8 Semua harta intelek yang terhasil daripada aktiviti libat sama komuniti dan industri akan menjadi hak milik Universiti kecuali ianya telah dipersetujui untuk dimiliki secara bersama atau dimiliki oleh penaja dan tertakluk kepada perjanjian yang telah ditandatangani dan diluluskan oleh pihak Universiti.
- 2.9 Semua aktiviti libat sama komuniti dan industri yang dilaksanakan hendaklah menerapkan semangat sinergi dengan melibatkan keahlian merentasi PTJ sekiranya situasi dan objektif program adalah bersesuaian.
- 2.10 Semua aktiviti Libat Sama komuniti dan industri hendaklah mengambilkira aspek pengurusan risiko.

### SEKSYEN 3 : PELAKSANA POLISI

Bil.	Pelaksana
1	Semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) Universiti.
2	Semua Kesatuan dan Persatuan di bawah Universiti.

### SEKSYEN 4 : TADBIR URUS

#### 4.1 PEMILIK POLISI DAN PENGURUS DOKUMEN POLISI

<b>Pemilik dan Penguatkuasa Polisi</b>	Jabatan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
<b>Pengurus Dokumen Polisi PTJ</b>	Timbalan Pendaftar, Jabatan Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi (TNCPI) UTM
<b>Pengurus Dokumen Polisi</b>	Ketua Seksyen Governan, Jabatan Pendaftar

## 4.2 KAEDAH PEMANTAUAN DAN HEBAHAN

<b>Pemantauan dan Penambahbaikan (CQI)</b>	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Semua Polisi Universiti hendaklah disemak dari semasa ke semasa (maksima 5 tahun) untuk memastikan polisi tersebut masih relevan.</li><li>2. Mana-mana pihak boleh mencadangkan pindaan Polisi dengan cara memaklumkan kepada Pengurus Dokumen Polisi. Sebarang pindaan hendaklah merujuk perkara Prosedur Tadbir Urus Dokumen Polisi.</li><li>3. Pengurus Dokumen Polisi hendaklah merujuk kepada tatacara mengemaskini atau cadangan perubahan Polisi menerusi Prosedur Tadbir Urus Dokumen Polisi.</li></ol>
<b>Penyiaran / Hebahan Polisi</b>	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Polisi yang telah diluluskan oleh JPU/Senat akan didaftarkan dalam Daftar Polisi UTM oleh Pengurus Dokumen Polisi dan disiarkan oleh Pendaftar melalui Pekeliling Universiti.</li><li>2. Pemilik Polisi hendaklah membuat hebahan Polisi yang telah diluluskan dan disiarkan untuk pelaksanaan yang efektif</li><li>3. Polisi hendaklah disimpan secara teratur mengikut kluster di dalam Daftar Polisi UTM.</li><li>4. Polisi boleh diakses oleh warga Universiti.</li></ol>

## 4.3 KAWALAN VERSI DAN KRONOLOGI PERUBAHAN

No Versi	Tarikh Diluluskan	Diluluskan oleh	Pindaan
1	30 Disember 2021	Mesyuarat Senat Universiti Bil 3/2020/2021/5	Tiada

#### 4.4 DOKUMEN RUJUKAN

Nama Dokumen
1. Agenda Pembangunan Lestari 2030
2. Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) 2013 - 2020
3. Dasar Pengkomersialan Harta Intelekt untuk Penyelidikan & Pembangunan (R&D) 2019
4. Dasar Komuniti Negara 2018 – 2025
5. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015- 2025 (Pendidikan Tinggi)
6. Wawasan Kemakmuran Bersama 2030